



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 Faks: +603 8688 3600

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

(Chief Executive Officer)

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA

(Malaysian Qualifications Agency)

Mercu MQA

No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5

63000 Cyberjaya

Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

Ruj. MQA : MQAD.100-1/3/2 Jld. 2 (36)

Tarikh : 17 Mac 2026

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 8/2026

MAKLUMAN BERKENAAN KETETAPAN BAHARU PELAKSANAAN KAJIAN RINTIS BAGI PERMOHONAN AKREDITASI PUSAT PENILAIAN PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN PENGANUGERAHAN KELAYAKAN AKADEMIK (APEL.Q) DAN KELULUSAN PELAKSANAAN BAGI PROGRAM TAMBAHAN APEL.Q

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan dokumen Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi tujuan Penganugerahan Kelayakan Akademik (GGP: APEL.Q) melalui Pekeliling MQA Bil. 5/2020. Berdasarkan garis panduan tersebut, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dikehendaki melaksanakan satu kajian rintis bagi menggambarkan keseluruhan proses penilaian APEL.Q.

3. Sehubungan itu, MQA telah menetapkan PPT perlu mengenal pasti sekurang-kurangnya seorang calon yang bersedia untuk mengikuti dan melaksanakan keseluruhan proses penilaian APEL.Q sebelum mengemukakan dokumen APEL.Q-01. Selaras dengan ketetapan semasa, pelaksanaan kajian rintis pada peringkat permohonan adalah tertakluk kepada ketetapan baharu seperti di **Lampiran A**.

4. Ketetapan baharu ini adalah bertujuan untuk memastikan pelaksanaan kajian rintis dilaksanakan secara lebih terancang dan sistematik, selaras dengan keperluan penilaian APEL.Q serta bagi mengelakkan sebarang kekangan yang boleh menjejaskan tempoh dan kualiti penilaian.

5. Pelaksanaan ketetapan ini adalah berkuat kuasa bermula **01 Jun 2026**.

6. Diharapkan makluman ini dapat membantu PPT dalam merancang dan melaksanakan permohonan akreditasi dan kelulusan pelaksanaan APEL.Q dengan lebih berkesan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan melalui Sistem Pengurusan Penilaian APEL (SPPA) di <https://www2.mqa.gov.my/sppa/>.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
6. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

8. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK

9. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, PULAU PINANG

10. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR

11. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar International Medical University (IMU)
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

12. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
Aras 7, Menara Arina UNITI
No.97, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
Kampung Baru
50300 W.P. KUALA LUMPUR

13. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
14. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
15. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
16. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK
17. Presiden
Society For Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance
Network (MyQAN)
UCSI University
No. 1, UCSI Heights, Jalan Puncak Menara Gading
Taman Connaught, Cheras
56000 CHERAS, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

LAMPIRAN A

KETETAPAN PELAKSANAAN KAJIAN RINTIS APEL.Q

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
1.	Keperluan Menamakan Calon Rintis Lebih Awal (Pre-identification Requirement)	PPT hendaklah mengemukakan maklumat sekurang-kurangnya seorang calon rintis yang berpotensi untuk kajian rintis semasa serahan permohonan Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q/kelulusan melaksanakan program tambahan APEL.Q.
2.	Penilaian Awal Calon Rintis secara serentak dengan Penyediaan Dokumen APEL.Q-01	<p>PPT boleh memulakan proses penyediaan saringan awal, <i>self-assessment</i> calon dan penilaian <i>Portfolio</i> semasa proses penyediaan dokumen APEL.Q-01.</p> <p>Penyerahan dokumen APEL.Q-01 hendaklah lengkap sehingga peringkat penilaian <i>Portfolio</i> bagi calon rintis tersebut.</p> <p>(Penilaian <i>Field and Validation Visit</i>, <i>Challenge Test</i> dan <i>Capstone Course</i> tidak dibenarkan)</p>
3.	Tempoh Pelaksanaan Kajian Rintis	Tempoh pelaksanaan kajian rintis ditetapkan selama sembilan (9) bulan daripada tarikh surat kebenaran MQA bagi meneruskan penilaian APEL.Q terhadap calon rintis.